KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KOLEJ KOMUNITI KUCHING



Panduan
PROGRAM AKADEMIK
KOLEJ KOMUNITI KUCHING
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



Panduan

PROGRAM AKADEMIK

KOLEJ KOMUNITI KUCHING

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KOLEJ KOMUNITI KUCHING
KUCHING, SARAWAK
2020

Hakcipta terpelihara © 2020 Kolej Komuniti Kuching

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada **Pengarah, Kolej Komuniti Kuching, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi, Lot 3563, Jalan Sultan Tengah, 93050 Kuching Sarawak**.

Susun atur huruf teks: Century Gothic, 10

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan – Dalam – Penerbitan

eISBN : 978-967-18669-0-0

Diterbitkan oleh:

Kolej Komuniti Kuching
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
Lot 3563 Jalan Sultan Tengah
93050 Kuching
Sarawak.
No. Telefon : 082-313321/22/23
No. Faks : 082-313318
Laman web : kkkuching.mypolycc.edu.my



KANDUNGAN

Jawatankuasa Penerbitan	i
Pendahuluan	ii
Visi & Misi Jabatan	iii
Lagu Kolej Komuniti	iv
Sekapur Sirih	v
Seulas Pinang	vi
Takrifan	vii
Carta Organisasi	viii
Latar Belakang Kolej Komuniti Kuching	1
Syarat Kemasukan	2
Pelaksanaan Program Pengajian	
Tempoh Pengajian	3
Pendaftaran Pelajar	4
Pendaftaran Kursus	5
Kredit/Pindahan Kredit	6
Sistem Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	8
Maklumat Program	
Diploma in Architectural Technology	11-38
Sijil Teknologi Senibina	39-68
Sijil Fesyen dan Pakaian	69-99
Bahagian Peperiksaan dan Penilaian	
Sistem Gred	100
Struktur Penilaian	102
Pencapaian dan Status Akademik	103
Penganugerahan	106
Penangguhan Pengajian	107
Berhenti Pengajian	108
Portal	109

SENARAI JAWATANKUASA

Penasihat : Suharyati binti Sulaiman

Penyunting : Nurul Dafiqah binti Kamarulzaman
Shafrine binti Mohamad Morshidi
Noralia binti Harun

Penulis : Nur Yasmin binti Yaaman
Esuryati binti Kamarudin
Shah Nazim bin Shahar
Mohamad Yusrizal bin Mohamed Yusoff
Wan Khazlina binti Wan Mohamed
Rozaifis bin Rofiei
Noor'Ainah binti Abdul Samad
Ahmad Khaidir bin Mohamed
Rosman bin Zulkifli
Faizal Adnan bin Omar
Mohd Zulkarnain bin Salehudin
Shairul Al-Suzana binti Shahidan
Mawar binti Ahmad
Mohamad Azrin bin Ramli
Ts. Mohamad Shukri bin Che Ya
Nur Hakim bin Raifli
Elfy Fariza binti Sharkawi
Nuraini binti Mahmud
Sulaiman bin Mohd Shah
Laila Najwa binti Yahaya
Faridah binti Merjoh
Siti Nur Aishah binti Lukman

Pereka grafik: Masstura binti Sulaiman
Mohamad Shahir Naim bin Abd Latif

PENDAHULUAN

Penerbitan Buku Panduan Program Akademik Kolej Komuniti Kuching (kemaskini edisi 2020) adalah suatu kesinambungan kepada proses untuk meningkatkan pencapaian kolej komuniti sebagai pembekal utama TVET di Malaysia. Ia juga memberi gambaran jelas tentang segala perancangan dan pelaksanaan program akademik di kolej komuniti. Buku panduan ini diterbitkan selaras dengan standard dan panduan baik yang telah digariskan oleh pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Buku Panduan Program Akademik Kolej Komuniti Kuching ini disediakan untuk pelajar-pelajar Kolej Komuniti Kuching (KKKG). Buku ini boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan utama dalam membuat perancangan dan menentukan pendaftaran kursus dari tahun pertama hingga ke tahun akhir pengajian.

Buku ini mengandungi panduan dan maklumat lengkap mengenai program akademik yang terdapat di Kolej Komuniti Kuching. Antara kandungan buku panduan ini ialah pelaksanaan program pengajian, maklumat program, struktur program, sinopsis kursus, penyediaan dokumen dan maklumat lain yang berkaitan. Kolej Komuniti Kuching menawarkan 1 program akademik peringkat Diploma iaitu Diploma Teknologi Senibina (DAT) dan 2 program akademik peringkat Sijil iaitu Sijil Teknologi Senibina (STS) dan Sijil Fesyen dan Pakaian (SFP).

Para pelajar perlu membaca dan meneliti maklumat yang terkandung dalam buku ini, supaya pelajar akan dapat memahami sistem pengajian yang diikuti dengan jelas serta dapat melaksanakan perancangan akademik yang teratur.

VISI

Menjadi Peneraju Institusi TVET Yang Unggul

MISI

- Menyediakan Akses Yang Meluas Kepada Program TVET Berkualiti Dan Diiktiraf
- Memperkasa Komuniti Melalui Pembelajaran Sepanjang Hayat
- Melahirkan Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan Dan Seimbang
- Memanfaatkan Sepenuhnya Perkongsian Pintar Dengan Pihak Berkepentingan



LAGU KOLEJ KOMUNITI

Seia dan sekata

Teguh ilmu di dada

Bersama mengorak langkah

Membina generasi berjaya

Kitalah penerus alaf wawasan

Meningkatkan bakat Insan

Kolej Komuniti

Di sini medan menggapai bintang

Terus berbakti dan cemerlang

Bersama menabur jasa

Jiwa Satu Malaysia

Megahmu di mercu jaya

Berbudi menjadi nyata

SEKAPUR SIRIH

Assalamualaikum wbt.dan salam sejahtera

Alhamdulillah bersyukur saya kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya dapat kita menerbitkan **Buku Panduan Akademik Kolej Komuniti Kuching.** Penambahbaikan kandungan buku ini merupakan usaha Kolej Komuniti Kuching untuk memastikan program pengajian di Kolej Komuniti dilaksanakan dengan jayanya mengikut struktur dan format pengajian standard Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Buku Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu ini adalah sebagai rujukan dan panduan lengkap kepada para pelajar baharu bagi memudahkan proses pendaftaran pelajar.

Saya bagi pihak Kolej Komuniti Kuching ingin mengucapkan selamat datang dan setinggi-tinggi tahniah kepada saudara dan saudari yang telah terpilih untuk mengikuti pengajian peringkat Diploma dan Sijil di Kolej Komuniti Kuching. Saya berharap agar para pelajar dapat merebut segala peluang untuk meningkatkan kecemerlangan diri bagi membolehkan saudara saudari bersaing dalam pelbagai peringkat, sama ada, negeri, kebangsaan, atau antarabangsa. Kolej Komuniti Kuching telah merangka pelbagai program yang dilaksanakan melalui pelbagai unit dan kokurikulum sebagai pelengkap kepada pembangunan modal insan dan pembekal utama TVET di Malaysia.

Selain itu, saya yakin dengan adanya infrastruktur dan kemudahan yang serba lengkap di Kolej Komuniti Kuching akan berupaya membentuk proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang memenuhi kehendak pasaran. Suasana yang kondusif dan pelbagai kaedah pembelajaran telah dirangka agar para pelajar berupaya memperoleh pengalaman yang mematangkan saudara saudari agar dapat membina jati diri dan sahsiah yang terpuji.

Akhir sekali, saya ingin menyeru kepada semua warga Kolej Komuniti Kuching agar bersama-sama memahami, menghayati, dan bergerak seiring dengan misi dan visi jabatan serta sentiasa menjaga nama baik kolej komuniti. Saya berharap saudara saudari menjadikan Kolej Komuniti Kuching sebagai permulaan untuk mencipta kejayaan yang mendatang. Ingatlah kata-kata keramat bagi pelajar kolej komuniti, "Tidak kira di mana anda bermula, yang penting di mana anda berakhir". InshaAllah.

Sekian, terima kasih.

Suharyati binti Sulaiman
Pengarah
Kolej Komuniti Kuching
Sarawak.



SEULAS PINANG

Assalamualaikum wbt.dan salam sejahtera

Syabas dan tahniah diucapkan kepada saudara dan saudari kerana berjaya ditawarkan tempat pengajian di Kolej Komuniti Kuching. Saya bagi pihak Kolej Komuniti Kuching berharap agar saudara dan saudari akan menghargai peluang ini untuk menempa kecemerlangan berterusan. Saya berharap agar para pelajar sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk memperolehi kecemerlangan dalam pengajian masing-masing bertepatan dengan peranan Kolej Komuniti sebagai antara pembekal utama TVET di Malaysia.

Pada kesempatan ini saya ingin mengingatkan para pelajar agar membaca dengan teliti dan mematuhi segala arahan yang terdapat di dalam buku ini. Pastikan semua persediaan untuk pengajian telah disediakan dengan sempurna seperti yang tertera di dalam buku panduan ini Kepatuhan dengan panduan serta arahan akan membantu kelancaran proses pengajian di kolej komuniti.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengalu-alukan kehadiran anda semua sebagai pelajar di Kolej Komuniti Kuching. Besar harapan saya agar para pelajar mendapat pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan sepanjang pengajian di Kolej Komuniti Kuching. Kekal fokus dan semoga beroleh kejayaan dengan cemerlang.

Kolej Komuniti Kuching Melahirkan Juara.

Sekian, terima kasih.

Nurul Dafizah binti Kamarulzaman
Timbalan Pengarah Akademik
Kolej Komuniti Kuching
Sarawak

TAKRIFAN

Dalam peraturan ini, melainkan konteksnya menghendaki maksud lain:

"Arena Pembelajaran (LA)" bermaksud komponen kurikulum dalam modul yang mempunyai kod dan kredit tertentu

"TPA" bermaksud Timbalan Pengarah Akademik

"TPP" bermaksud Timbalan Pengarah Pengurusan

"TP" bermaksud Timbalan Pengarah

"KP" bermaksud Ketua Program

"Kursus" bermaksud komponen kurikulum program yang mempunyai kod dan kredit tertentu

"LI" bermaksud Latihan Industri

"Mata Kredit" bermaksud hasil darab nilai mata dengan jam kredit bagi sesuatu kursus / LA

"PA" Penilaian Akhir

"PB" Penilaian Berterusan

"Program Pengajian" bermaksud program pengajian mengikut kurikulum yang diluluskan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

"Pelajar" bermaksud sesiapa yang telah menyempurnakan pendaftaran program dan mengikuti pengajian di kolej.

"Pelajar Semasa" bermaksud pelajar yang telah mengikuti sekurang-kurangnya satu (1) semester pengajian di kolej

"Penilaian" bermaksud sebarang bentuk pengukuran pencapaian pelajar bagi kursus / LA dan Latihan Industri;

"PNG" (Purata Nilai Gred) bermaksud purata nilai gred yang diperolehi pelajar bagi sesuatu semester;

"PNGK" (Purata Nilai Gred Kumulatif) bermaksud himpunan purata nilai gred yang diperolehi pelajar bagi semua semester;



CARTA ORGANISASI

PENGURUSAN TERTINGGI KOLEJ KOMUNITI KUCHING



CARTA ORGANISASI

PENGURUSAN AKADEMIK KOLEJ KOMUNITI KUCHING

LATAR BELAKANG KOLEJ KOMUNITI KUCHING

Kolej Komuniti Kuching ialah Kolej Komuniti yang pertama ditubuhkan di Sarawak. Ia merupakan salah sebuah daripada 10 buah Kolej Komuniti perintis Kementerian Pendidikan Malaysia yang ditubuhkan pada 1 Jun 2001 melalui Memorandum No. 398/2225/00 yang dikemukakan oleh Menteri Pendidikan kepada Jemaah Menteri pada 5 Julai 2000. Memorandum tersebut mengandungi konsep penubuhan dan pelaksanaan Kolej Komuniti di setiap kawasan parlimen. Kolej Komuniti berperanan untuk memberi peluang latihan dan kemahiran kepada semua peringkat masyarakat serta peluang pendidikan kepada lepasan menengah sebelum ke pasaran pekerjaan atau melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Kampus induknya kini adalah di Jalan Sultan Tengah di kawasan Parlimen P.194 Petra Jaya dan jaraknya 10 km dari pusat Bandaraya Kuching. Kolej ini mula beroperasi di Sekolah Menengah Teknik Sejingkat, Kuching, dengan lapan orang staf perintis. Sejumlah 26 orang pelajar telah berdaftar sebagai kumpulan pertama untuk mengikuti Kursus Sijil Automotif dan Kursus Sijil Rekaan Fesyen dan Membuat Pakaian pada 12 Jun 2001. Sehingga kini sebanyak 3 kursus telah ditawarkan sepenuhnya iaitu Sijil Teknologi Senibina, Sijil Fesyen dan Pakaian dan Diploma Teknologi Senibina. Pada sesi Jun 2020 terdapat 213 orang pelajar mendaftar sepenuh masa di Kolej Komuniti Kuching. Kolej Komuniti merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) telah dipertanggungjawabkan untuk mengawalselia pengurusan semua Kolej Komuniti. Di peringkat institusi, Kolej Komuniti diketuai oleh seorang Pengarah dan dibantu oleh pegawai-pegawai kanan, pensyarah/tenaga pengajar dan juga kakitangan sokongan.

SYARAT KEMASUKAN

Syarat Kelayakan Kemasukan Program Sijil dan Diploma Kolej Komuniti

Diploma Kolej Komuniti (DKK)

i. Warganegara Malaysia; dan

ii. Lulusan Sijil Kolej Komuniti (SKK) atau

Iii. Lulus peperiksaan SPM atau setara.

(a) Syarat-syarat lain berdasarkan keperluan MQA.

(b) Syarat khas berdasarkan program.

Sijil Kolej Komuniti (Berterusan) [SKK (T)]

i. Warganegara Malaysia; dan

ii. Lulus peperiksaan SPM atau setara.

(a) Syarat khas berdasarkan program

PELAKSANAAN PROGRAM PENGAJIAN

A) TEMPOH PENGAJIAN

i. Sijil Kolej Komuniti (Berterusan) SKK(T)

SKK(T) dilaksanakan selama 4 semester bersamaan 16 bulan. Pelajar perlu mengikuti pengajian semester 1 hingga semester 3 di kolej komuniti dan semester 4 di industri. Jumlah kredit SKK(T) yang ditawarkan ialah 60 kredit.

ii. Diploma Kolej Komuniti (DKK)

Diploma Kolej Komuniti (DKK) dilaksanakan selama 6 semester bersamaan 24 bulan. Mod pelaksanaan DKK ini adalah pembelajaran berasaskan pekerjaan dengan pendekatan penyampaian secara *Work Based Learning* (WBL). Pelajar akan mengikuti pengajian di kolej komuniti dengan memberi tumpuan kepada aspek -aspek teori, praktikal dan pengajian di industri bagi menimba pengalaman pembelajaran dalam industri. Pelajar akan melengkapkan pengajian dengan jumlah kredit sebanyak 90 kredit. DKK ini dilaksanakan dengan penggunaan beberapa model pelaksanaan mengikut persetujuan bersama-sama industri.

B) PENDAFTARAN PELAJAR

i. Prosedur pendaftaran program dan kadar bayaran yang perlu dijelaskan semasa pendaftaran akan dimaklumkan kepada calon pelajar bersama surat tawaran kemasukan.

ii. Calon pelajar dikehendaki mendaftar program pada tarikh yang ditetapkan.

iii. Tawaran kemasukan adalah terbatal dengan sendirinya jika calon pelajar tidak mendaftar program pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebarang makluman.

iv. Pelajar semasa yang telah tamat tempoh penangguhan pengajian, dikehendaki mendaftar semester / modul pada tarikh yang ditetapkan.

v. Pelajar yang telah tamat tempoh maksimum pengajian (10 semester / 40 bulan) dikira sebagai Gagal Berhenti.

vi. Penyataan di atas perlu dirujuk bersama Garis Panduan Pegawai Pengambilan Pelajar Kolej Komuniti edisi terkini.



c) PENDAFTARAN KURSUS

i. Pelajar perlu mendaftar setiap kursus / LA yang diambil melalui pensyarah kelas dalam tempoh satu (1) minggu selepas pendaftaran semester / modul.

ii. Pelajar tidak dibenarkan mendaftar kursus / LA yang mempunyai pra syarat, sekiranya pelajar tidak lulus pra syarat bagi kursus / LA tersebut.

iii. Pendaftaran kursus / LA perlu mendapat pengesahan TPA / TP / KP.

iv. Pelajar bertanggungjawab untuk menyemak senarai kursus / LA yang telah didaftarkan dengan teliti dan mengikuti sepenuhnya aktiviti PdP bagi kursus / LA tersebut.

v. Pindaan pendaftaran kursus / LA hendaklah diselesaikan selewat-lewatnya pada minggu kedua (2) selepas pendaftaran dengan mendapat kebenaran TPA / TP.

vi. Borang Pendaftaran Kursus / LA akan dikeluarkan selewat-lewatnya pada minggu ketiga semester / modul kepada pelajar melalui pensyarah kelas.

D) KREDIT / PINDAHAN KREDIT

Setiap kursus / LA mempunyai nilai kredit tertentu.

i. Nilai kredit

- Setiap 40 jam belajar pelajar adalah bersamaan satu (1) kredit.
- Setiap kursus / LA direka bentuk antara satu (1) hingga lima (5) kredit.
- Pengiraan kredit WBL adalah bersamaan *Effective Learning Time* (ELT) / 40 ELT = (Theory + Industrial Guidance + Assessment) x 80%.

ii. Beban kredit minimum dan maksimum

- Pelajar dikehendaki mengambil minimum sembilan (9) kredit bagi setiap semester / modul kecuali bagi semester akhir / modul terakhir.
- Pelajar yang mendapat PNGK kurang dari 2.00 hendaklah mengambil tidak lebih daripada 13 kredit termasuk Mata Pelajaran Umum pada semester / modul berikutnya.
- Bilangan kredit maksimum yang boleh diambil ialah 19 kredit, dengan kebenaran TPA / TP. Pelajar dinasihatkan berbincang dengan pensyarah kelas terlebih dahulu.

iii. Kredit kursus / LA ulangan (UK)

- Bagi pelajar yang mengulang kursus / LA (UK), gred terkini akan menggantikan gred terdahulu.
- Bagi tujuan pengiraan PNGK, kredit kira dan nilai gred terkini kursus / LA yang diulang akan diambil kira, dan kredit kira serta nilai gred terdahulu dimansuhkan.
- Pelajar yang perlu mengulang kursus / LA (UK) sembilan (9) kredit atau lebih, tidak dibenarkan mendaftar kursus / LA bagi semester/modul yang berikutnya.



iv. Kredit penebusan gred (TG)

- Bagi pelajar yang mendapat status Lulus Bersyarat (LB), dibenarkan mengulang kursus / LA bagi menebus gred (TG) dan gred terkini akan menggantikan gred terdahulu.
- Bagi tujuan pengiraan HPNM, nilai mata terkini kursus / LA yang diperbaiki akan diambil kira, dan nilai mata terdahulu dimansuhkan.

v. Kredit lulus program dan tempoh pengajian

- Pelajar mesti lulus semua kursus / LA yang ditetapkan untuk program yang diambilnya termasuk LI.
- Kredit minimum bagi program sijil adalah 60 kredit manakala bagi program diploma adalah 90 kredit. Kredit sebenar hendaklah dirujuk kepada struktur program yang berkenaan.
- Tempoh pengajian lazim bagi sesuatu program adalah antara 4 hingga 6 semester / modul manakala tempoh maksimum pengajian adalah 10 semester atau 40 bulan. Kerangka tempoh pengajian maksimum ini ditetapkan bagi memastikan lulusan sentiasa relevan dengan keperluan semasa.

vi. Pindahan Kredit

- Pelajar boleh memohon kelulusan pindahan kredit bagi mana - mana kursus / LA daripada TPA / TP.
- Mata kredit yang diperolehi bagi kursus / LA yang dipindah kredit tidak diambil kira dalam pengiraan PNGK.
- Jumlah Jam Kredit bagi kursus / LA yang dipindahkan akan diambil kira bagi menentukan Jumlah Jam Kredit Terkumpul untuk tujuan penganugerahan Sijil / Diploma.
- Kursus / LA program kolej komuniti yang telah diselesaikan di sesebuah kolej komuniti boleh diterima atau dibawa ke kolej komuniti lain yang menawarkan kursus / LA yang sama.

E) SISTEM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP)

Pelaksanaan PdP adalah berpandukan struktur dan kurikulum yang dibekalkan oleh JPPKK.

i. Fail Rekod Pensyarah (FRP)

- FRP adalah fail yang digunakan oleh pensyarah untuk menyimpan semua rekod kualiti berkaitan dengan pelaksanaan PdP.
- Semua pensyarah perlu memiliki FRP masing-masing dan tidak boleh dikongsi dengan pensyarah lain.
- Penyediaan FRP ini adalah merujuk kepada Buku Panduan Penyediaan Fail Rekod Pengajaran dan Pembelajaran edisi terkini.
- FRP perlu disediakan sebelum sesi pengajian bermula dan semakan FRP dibuat pada setiap sesi pengajian.
- Rancangan Mengajar perlu disediakan untuk setiap modul yang diajar dan diperakukan oleh TPA / TP / KP.

ii. Rekod Kehadiran

- Kehadiran pelajar untuk setiap kursus / LA perlu direkodkan dalam Rekod Kehadiran Kursus / LA.
- Pelajar wajib menghadiri setiap sesi PdP tidak kurang 80% daripada jumlah jam pertemuan bagi setiap kursus /LA.
- Bagi ketidakhadiran yang dirancang (contohnya, menghadiri aktiviti kolej komuniti), pelajar perlu mengisi Borang Permohonan Cuti Pelajar dengan mendapatkan perakuan daripada pihak yang berkenaan dan mengemukakan dokumen sokongan (surat arahan, atau mana-mana yang berkaitan). Permohonan hendaklah diajukan kepada pensyarah kursus / LA berkenaan untuk kelulusan selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum tarikh ketidakhadiran tersebut.



- Bagi ketidakhadiran yang tidak dirancang (contohnya, kematian ahli keluarga terdekat), pelajar hendaklah mengisi Borang Permohonan Cuti Pelajar dengan mengemukakan dokumen sokongan (sijil kematian atau mana-mana yang berkaitan). Permohonan hendaklah diajukan kepada pensyarah kursus / LA berkenaan selewat-lewatnya tiga (3) hari selepas tarikh ketidakhadiran tersebut untuk kelulusan.
- Tempoh maksimum bagi ketidakhadiran bersebab adalah lima (5) hari sepanjang semester / modul.
- Sekiranya pelajar mendapat sijil cuti sakit / surat kebenaran cuti, jumlah jam patut hadir tidak dikira dalam sesuatu kursus / LA.
- Pelajar yang tidak mencapai kehadiran 80% daripada jumlah jam pertemuan untuk setiap kursus / LA tidak dibenarkan menduduki penilaian akhir (PA).

  Pelajar akan diberikan :

  - Surat Amaran (SA) sekiranya tidak hadir tanpa sebab-sebab tertentu yang dapat diterima oleh kolej komuniti melebihi 10% daripada jam pertemuan bagi kursus / LA tersebut.
  - Surat Tunjuk Sebab (STS) sekiranya tidak hadir tanpa sebab-sebab tertentu yang dapat diterima oleh kolej komuniti melebihi 20% daripada jam pertemuan bagi kursus / LA tersebut.
  - Pelajar yang menerima STS dikehendaki memberi surat / jawapan tunjuk sebab dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.

- Salinan kedua-dua SA dan STS akan diserahkan kepada ibu / bapa / penjaga. Salinan juga akan diserahkan kepada Pegawai Pembangunan Pelajar.
- Pensyarah kelas perlu menghantar senarai nama pelajar yang telah diputuskan tidak mencapai kehadiran 80% oleh TPA / TP kepada Unit Peperiksaan.

iii. Folio Pelajar

- Pelajar perlu mengumpulkan semua bukti-bukti PdP serta penilaian yang dibuat di dalam satu fail yang dikenali sebagai Folio.
- Folio tersebut perlu mengandungi perkara-perkara berikut:

a) Senarai semak folio pelajar;
b) Biodata pelajar;
c) Salinan silibus setiap kursus / LA;
d) Kontrak pengajaran dan pembelajaran;
e) Jadual waktu;
f) Senarai pensyarah kursus / LA;
g) Nota;
h) Rekod penilaian setiap kursus / LA;
i) Bukti-bukti penilaian (lembaran kerja / tugasan / kuiz / ujian / pembentangan / projek) yang telah dinilai oleh pensyarah; dan
j) Lain-lain dokumen penilaian yang berkaitan dengan PB dan PA.

DIPLOMA IN ARCHITECTURAL TECHNOLOGY





PROGRAMME INTRODUCTION

Diploma in Architectural Technology is a comprehensive programme focusing on theoretical knowledge and practical skill in architectural field. This course is offered in order to provide job competencies upon entering architectural industry. Students will learn to produce comprehensive architectural modelling and presentation using Building Information Modeling (BIM) method. Students will also be exposed to the knowledge and skill of architectural design, construction technology, building services, building codes and history of architecture. Students will also have to undergo work–based learning (WBL) course during semester 5 and 6 to gain actual working experience. The WBL course is a structured learning process conducted by industry.

PROGRAMME SYNOPSIS

This programme exposes and completes the students with knowledge and skills of:

1. Executing architectural Building Information Modelling (BIM) process,
2. Producing BIM models,
3. Producing architectural drawings,
4. Producing architectural detailing,
5. Producing architectural presentation,
6. Organizing architectural documentation,
7. Architectural design fundamental, and
8. Building construction technology



JOB PROSPECT

Diploma in Architectural Technology is expected to produce knowledgeable and skillful graduates who are expected to be employed by architectural firms, BIM consultation firms, construction companies, engineering companies, and government departments. They perform a crucial role of ensuring BIM models and architectural drawings are produced in coordination with related building industry disciplines. This is to meet the needs of the stake holders such as clients, contractors, authorities, consultants and building occupants, at the different stages of the project. Some of the job titles held by graduates include:

1. Architectural BIM Modeler
2. Architectural BIM Coordinator
3. Architectural Technical Assistant
4. BIM Modeler in other disciplines (engineering and manufacturing)
5. BIM Trainer

PROGRAMME EDUCATIONAL OBJECTIVES – PEO

The program shall produce graduates who are:

1. Knowledgeable and technically competent in architectural BIM discipline in-line with the industry requirement, current needs and aspiration of the nation.
2. Demonstrate ability in solving problems in architectural BIM discipline innovatively and creatively and manage information through lifelong learning approach.
3. Possess effective communication and teamwork in architectural BIM skills based on work etiquette and social responsibilities.



PROGRAMME LEARNING OUTCOMES – PLO

At the end of the lesson, students will be able to :

1. Apply fundamental knowledge based on facts, concepts, principles and theories in architectural BIM.
2. Demonstrate psychomotor and practical skills in solving architectural BIM problems.
3. Demonstrate interpersonal skills and social responsibility in applying principles and theories depending on situations in architectural BIM practice.
4. Demonstrate ethics and professionalism in architectural BIM practice that requires compliance to ethics principle and legal aspects.
5. Demonstrate ability to communicate effective and leadership skill among co-workers, clients, employers and public in architectural BIM practice.
6. Demonstrate analytical and critical thinking skills and use appropriate techniques in solving architectural BIM problems.
7. Possess awareness on the importance of lifelong learning and information management skills of architectural BIM for academic and career development.
8. Demonstrate management skills and entrepreneurial characteristics in broad perspectives within real architectural BIM practice business environment.

MATRICS BETWEEN PEO AND PLO

PLO / PEO	PLO 1	PLO 2	PLO 3	PLO 4	PLO 5	PLO 6	PLO 7	PLO 8
1. Knowledgeable and technically competent in architectural BIM discipline in-line with the industry requirement, current needs and aspiration of the nation.	/	/						/
2. Demonstrate ability in solving problems in architectural BIM discipline innovatively and creatively and manage information through lifelong learning approach.		/			/	/	/	
3. Possess effective communication and teamwork in architectural BIM skills based on work etiquette and social responsibilities.			/	/	/		/	



PROGRAMME STRUCTURE

DIPLOMA IN ARCHITECTURAL TECHNOLOGY

SEMESTER 1

CODE		COURSE	CREDIT
DAT	1014	ARCHITECTURAL BIM 1	4
DAT	1023	ARCHITECTURAL DESIGN 1	3
DKW	1102	APLIKASI KOMPUTER 2	2
MPU	2311	PENDIDIKAN ISLAM 1	1
MPU	2321	PENDIDIKAN MORAL 1	
MPU	2411	KOKURIKULUM (KELAB)	1
MPU	2231	KEMAHIRAN INSANIAH	1
MPU	2152	PENGAJIAN MALAYSIA	2
		TOTAL	**14**

SEMESTER 2

CODE		COURSE	CREDIT
DAT	2034	ARCHITECTURAL BIM 2	4
DAT	2044	ARCHITECTURAL DESIGN 2	4
DAT	2053	CONSTRUCTION TECHNOLOGY 1	3
DAT	2063	BUILDING CODES	3
MPU	2331	PENDIDIKAN ISLAM 2	1
MPU	2341	PENDIDIKAN MORAL 2	
MPU	2181	BUSINESS ENGLISH 1	1
		TOTAL	**16**



SEMESTER 3

CODE		COURSE	CREDIT
DAT	3075	ARCHITECTURAL BIM 3	5
DAT	3084	ARCHITECTURAL DESIGN 3	4
DAT	3093	CONSTRUCTION TECHNOLOGY 2	3
DAT	3103	BUILDING SERVICES 1	3
MPU	2191	BUSINESS ENGLISH 2	1
MPU	2421	KOKURIKULUM (SUKAN)	1
		TOTAL	**17**

SEMESTER 4

CODE		COURSE	CREDIT
DAT	4115	ARCHITECTURAL BIM 4	5
DAT	4124	ARCHITECTURAL DESIGN 4	4
DAT	4133	CONSTRUCTION TECHNOLOGY 3	3
DAT	4143	BUILDING SERVICES 2	3
MPU	2222	KEUSAHAWANAN	2
		TOTAL	**17**



SEMESTER 5

CODE		COURSE	CREDIT
DAT	51510	ARCHITECTURAL BIM 5	10
DAT	5163	CONSTRUCTION TECHNOLOGY 4	3
		TOTAL	**13**

SEMESTER 6

CODE		COURSE	CREDIT
DAT	61710	ARCHITECTURAL BIM 6	10
DAT	6183	BUILDING SERVICES 3	3
		TOTAL	**13**

* BAGI PELAJAR WARGANEGARA YANG TIDAK KREDIT BAHASA MELAYU SPM WAJIB MENGAMBIL KURSUS
MPU 1212 BAHASA KEBANGSAAN A.

COURSE SYNOPSIS

SEMESTER 1

COURSE	SYNOPSIS	HASIL PEMBELAJARAN / *COURSE LEARNING OUTCOME* (CLO)
DAT 1014 ARCHITECTURAL BIM 1	This course provides an overview of the Building Information Modelling (BIM) such as the history, working concept and the evolution of BIM. The students will learn the application of an authoring tools to create a BIM model of a single-storey building at LOD 200.	1. Identify the working concept of the BIM process(C4, PLO 1) 2. Produce a 3D BIM model of a single storey building at LOD 200 (P3, PLO 2) 3. Prepare a printed drawing of a BIM model (P3, PLO 2)
DAT 1023 ARCHITECTURAL DESIGN 1	Students will be given knowledge and skills in theoretical and practical of architectural design fundamental. Students will produce design works based on the theory of architectural design fundamental learnt, and present the works through verbal, graphic and model.	1. Identify the fundamental of architectural design (C1, PLO1) 2. Create a spatial model with the implementation of architectural design fundamentals (P7, PLO2) 3. Present ideas of the spatial model through verbal (A2, PLO5)



SEMESTER 1

COURSE	SYNOPSIS	HASIL PEMBELAJARAN / *COURSE LEARNING OUTCOME* (CLO)
DKW 1102 APLIKASI KOMPUTER	Kursus ini memperkenalkan perisian Windows dan aplikasi komputer kepada pelajar. Pelajar akan pelajari asas-asas perisian aplikasi. Modul ini akan melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan dalam setiap aplikasi untuk diintegrasikan antara satu sama lain. Pelajar juga dapat mengembangkan kemahiran mereka dalam penggunaan aplikasi komputer untuk melaksanakan tugas pengurusan teknologi maklumat.	1. Menggunakan windows dalam pengurusan maklumat (C3,PLO1) 2. Menggunakan ICT bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki (A4, PLO7) 3. Menyampaikan pembentangan dengan menggunakan perisian aplikasi komputer (A4,PLO5)
MPU 2311 PENDIDIKAN ISLAM 1	Pendidikan Islam 1 berteraskan kepada tiga topik iaitu sumber hukum dalam Islam, tafsir al Quran dan huraian Hadis. Ia bertujuan melahirkan pelajar yang berilmu, beramal, berbakti kepada agama dan Negara dengan berpaksikan al Quran dan as Sunnah.	1. Menerangkan sumber hukum di dalam Islam (C2, PLO 1) 2. Menghuraikan beberapa potongan ayat Al-Quran yang terpilih (A1, PLO 7) 3. Membezakan amalan yang baik dan buruk berdasarkan hadis (A3, PLO 7)

SEMESTER 1

COURSE	SYNOPSIS	HASIL PEMBELAJARAN / *COURSE LEARNING OUTCOME* (CLO)
MPU 2321 PENDIDIKAN MORAL 1	Kursus ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada pelajar tentang konsep asas moral, proses sosialisasi dan tanggungjawab individu dalam masyarakat dan seterusnya dapat menyuburkan tingkahlaku bermoral dalam mencapai keharmonian masyarakat Malaysia dan sejagat.	1. Mengenal pasti konsep asas moral (C3, PLO 1) 2. Menerangkan proses sosialisasi dan tanggungjawab individu dalam masyarakat (A3, PLO 3) 3. Membincangkan keharmonian masyarakat Malaysia dan sejagat (A2, PLO 4)
MPU 2411 KOKURIKULUM (KELAB)	Menerangkan tentang sejarah bidang pilihan dan kemahiran khusus bidang tersebut mengikut perkembangan semasa. Keperluan/peralatan asas, etika, istilah-istilah, demonstrasi dan mempraktik teknik-teknik asas bidang pilihan turut ditekankan kepada pelajar. Pelajar akan turut serta dalam merancang aktiviti aktiviti yang akan dijalankan, menerangkan kepentingan merancang aktiviti, pembahagian tugas dan menyelia aktiviti.	1. Memahami tentang kepentingan bidang pilihan (C2, PLO1) 2. Memberi maklum balas cara kemahiran bidang pilihan (A3, PLO5) 3. Mengorganisasi program kemahiran asas bidang pilihan (A4, PLO5)



SEMESTER 1

COURSE	SYNOPSIS	HASIL PEMBELAJARAN / *COURSE LEARNING OUTCOME* (CLO)
MPU 2231 KEMAHIRAN INSANIAH	Kursus Kemahiran Insaniah ini mengandungi pembelajaran dan latihan bagi mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat dan kemahiran pengurusan maklumat, mengamalkan kemahiran berfikir dan kemahiran komunikasi, kemahiran kepimpinan dan kerja berpasukan serta pembangunan kerjaya.	1. Menerangkan kepentingan kemahiran komunikasi yang dipelajari dan pengurusan maklumat serta pembelajaran sepanjang hayat (C1, PLO 1) 2. Menghayati nilai kepimpinan dalam pembangunan kerjaya (A5, PLO 5) 3. Mengaplikasikan kemahiran mengendalikan projek/acara dengan menggunakan kemahiran pengurusan (A4, PLO 5)

SEMESTER 1

COURSE	SYNOPSIS	HASIL PEMBELAJARAN / *COURSE LEARNING OUTCOME* (CLO)
MPU 2152 PENGAJIAN MALAYSIA	Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar tentang Sejarah dan Politik, Perlembagaan Malaysia, Masyarakat Malaysia, Sistem dan struktur Pentadbiran Negara, Kemasyarakatan dan Perpaduan, Pembangunan Negara dan Agama dan Kepercayaan. Kursus ini adalah bertujuan untuk melahirkan graduan yang mempunyai identiti kebangsaan dan semangat patriotisme yang unggul. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk kuliah, tugasan, kajian lapangan dan pengalaman pembelajaran	1. Menilai kepentingan identiti kebangsaan ke arah mengukuhkan semangat patriotism (C5, PLO3) 2. Menghuraikan kepelbagaian dalam masyarakat (C2, PLO3) 3. Membina hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan pelajar (C3, PLO5)



SEMESTER 2

COURSE	SYNOPSIS	HASIL PEMBELAJARAN / *COURSE LEARNING OUTCOME* (CLO)
DAT 2034 ARCHITECTURAL BIM 2	This course covers the theories of Dimension (D) and Level of Development (LOD) in BIM. Students will learn to produce a BIM model of a double storey house at LOD 300. Beside of that, students will also have to prepare technical and presentation drawings.	1. Identify the level of a BIM model (C4, PLO 1) 2. Produce a 3D model of a double storey building at LOD 300 (P3, PLO 2) 3. Prepare a set of presentation of a BIM model (P3, PLO 2)
DAT 2044 ARCHITECTURAL DESIGN 2	Students will be given knowledge and skills in theoretical and practical of theory of proportion and scale. Students will design architectural products based on the knowledge of proportion and scale, and present the products through verbal, graphic and model.	1. Explain the theory of proportion and its meaning (C1, PLO1) 2. Design a habitable space with expression of spatial quality through understanding of proportion, scale and circulation in design (P7, PLO2) 3. Present the design solutions of the habitable space through verbal and graphic (A2, PLO5)

SEMESTER 2

COURSE	SYNOPSIS	HASIL PEMBELAJARAN / *COURSE LEARNING OUTCOME* (CLO)
DAT 2053 CONSTRUCTION TECHNOLOGY 1	This course provides theory and practice of building technology. Students will learn the process of constructing a building. Students will also learn about timber and it usage in construction.	1. Describe the components of a building (C4,PLO1) 2. Produce the model of timber usage in construction (P3,PLO2) 3. Produce the detailed drawings of timber construction (P3,PLO2)
DAT 2063 BUILDING CODES	This course provides theory and practice of building codes. Students will learn theory and practice the planning guidelines and Uniform Building by Laws (UBBL).	1. Identify planning guidelines of local authority (C4, PLO1) 2. Discuss building requirement as stated in Uniform Building by Law (UBBL) (C2, PLO1) 3. Produce diagram according to planning guidelines and UBBL (P3, PLO2)



SEMESTER 2

COURSE	SYNOPSIS	HASIL PEMBELAJARAN / *COURSE LEARNING OUTCOME* (CLO)
MPU 2331 PENDIDIKAN ISLAM 2	Pendidikan Islam 2 berteraskan kepada empat topik iaitu konsep muamalat, konsep jenayah, konsep rukhsah solat dan tatacara pengurusan jenazah. Ia bertujuan melahirkan pelajar yang berilmu, beramal, berbakti kepada agama dan negara dengan berpaksikan al Quran dan as Sunnah.	1. Menerangkan konsep muamalat dalam Islam (C2, PLO 1) 2. Menghuraikan konsep jenayah dalam Islam (A1, PLO 7) 3. Menunjukkan cara rukhsah solat dan menguruskan jenazah (P2, PLO 2)
MPU 2341 PENDIDIKAN MORAL 2	Kursus bertujuan untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada pelajar tentang Isu-isu kemoralan sosial semasa, perkembangan teknologi semasa dan etika keprofesionalisma.	1. Mengetahui isu-isu kemoralan sosial semasa (C1, PLO1) 2. Menerangkan perkembangan teknologi informasi dan komunikasi yang berlaku (A3, PLO2) 3. Membezakan budaya kerja yang berintegriti dan tidak berintegriti dalam organisasi (A3, PLO3)

SEMESTER 2

COURSE	SYNOPSIS	HASIL PEMBELAJARAN / *COURSE LEARNING OUTCOME* (CLO)
MPU 2181 BUSINESS ENGLISH 1	Business English 1 helps learners to increase their ability to use English language in business related aspects and job application. This course equips learners with necessary communication skills during interview session and at workplace as well as the proper language usage in processes and procedures or carrying out task.	1. Express polite expressions and respond appropriately in process and procedures through business manner (C1, PLO1) 2. Give general introduction and importance of resume and apply the appropriate format in resume writing (A3, PLO5) 3. Analyze job advertisement and prepare job interview effectively (A3, PLO5)



SEMESTER 3

COURSE	SYNOPSIS	HASIL PEMBELAJARAN / *COURSE LEARNING OUTCOME* (CLO)
DAT 3075 ARCHITECTURAL BIM 3	This course covers the coordination process in Building Information Modelling (BIM). Students will learn to produce BIM model of different disciplines such as architecture, structure and MEP. Then all of the models will be coordinated to detect the clash.	1. Explain the process of coordination between different disciplines in construction (C4, PLO 1) 2. Produce the BIM models of different disciplines in construction (P3, PLO 2) 3. Prepare report of coordination between different disciplines in construction (P3, PLO 2)
DAT 3084 ARCHITECTURAL DESIGN 3	Students will be studying about architects and their philosophies, and transfer them into a manifestation in design. They will present the design through verbal, graphic and model.	1. Identify past and contemporary well-known architects and their design philosophies (C2, PLO1) 2. Design an art pavilion reflecting the philosophies of design of selected architect (P7, PLO2) 3. Present the art pavilion design through verbal, graphics and model (A2, PLO5)

SEMESTER 3

COURSE	SYNOPSIS	HASIL PEMBELAJARAN / *COURSE LEARNING OUTCOME* (CLO)
DAT 3093 CONSTRUCTION TECHNOLOGY 2	This course provides theory and practice of building technology. Students will learn the masonry and concrete construction. Students will also learn concrete framing system of a building.	1. Describe the process of constructing a masonry building (C2,PLO1) 2. Produce model of concrete construction (P3,PLO2) 3. Produce the detailed drawings of concrete framing system (P3,PLO2)
DAT 3103 BUILDING SERVICES 1	This course provides theory and practice of building services. Student will learn the water supply system, sewage treatment and sanitary system and electrical system.	1. Explain water supply and sewage system in a building (C2, PLO1) 2. Produce diagram of water supply and of sewage system in a single storey building (P3, PLO2) 3. Produce BIM model of water supply and sewage system in a single storey building (P3, PLO2)



SEMESTER 3

COURSE	SYNOPSIS	HASIL PEMBELAJARAN / *COURSE LEARNING OUTCOME* (CLO)
MPU 2191 BUSINESS ENGLISH 2	Business English 2 helps learners to increase their ability to use English language in business related aspects. Students will acquire on how to handle enquiries and complaint with clients. They will be taught how to conduct a meeting and write minutes. Students will learn the process of negotiation through bargain and concession.	1. Apply appropriate language and format in formal correspondence relating to business environment (C3, PLO 1) 2. Use appropriate language through business manner to negotiate, handle enquiries, complaints and making appointment (A2, PLO 5) 3. Conduct mock meeting and write minutes appropriately (A4 , PLO 5)
MPU 2421 KOKURIKULUM (SUKAN)	Kursus ini menerangkan tentang pengenalan dan sejarah berkaitan sukan dan permainan pilihan merangkumi pengetahuan asas dan kemahiran khusus yang berkenaan. Kursus ini turut mendedahkan kepada peserta tentang asas pengurusan acara bagi sukan dan permainan pilihan merangkumi perancangan aktiviti dan pengelolaan pertandingan	1. Menentukan peralatan sukan pilihan (C3, PLO 1) 2. Mengikuti kemahiran asas bidang sukan pilihan (P3, PLO 2) 3. Mengorganisasikan pengelolaan pertandingan bidang sukan pilihan (A4, PLO 2)

SEMESTER 4

COURSE	SYNOPSIS	HASIL PEMBELAJARAN / *COURSE LEARNING OUTCOME* (CLO)
DAT 4115 ARCHITECTURAL BIM 4	This course covers the theory of implementation of BIM in industries such as construction procurements, BIM guidelines, BIM Execution Plan and collaboration. The students will learn to create a BIM model (LOD 300) of multi storey building collaboratively. The students will also have to conduct coordination and prepare virtual construction of the project.	1. Explain the BIM collaboration in construction industry (C4, PLO 1) 2. Produce a united BIM model of a multi-storey building at LOD 300 (P3, PLO 2) 3. Prepare a presentation of the united BIM model (P3, PLO 2)
DAT 4124 ARCHITECTURAL DESIGN 4	Students will be given practical in designing a single unit building with maximum built-up area 200sqm. Students will conduct a site and case study in team, and individually solve the design solutions of the single unit building according to the site and case study conducted. They will present the final design solutions through verbal, graphic and model.	1. Analyze site and building that is reasonable for a building with maximum built-up area of 200sqm (C4, PLO1) 2. Design a building with maximum built-up area of 200sqm (P7, PLO2) 3. Present the building design through verbal, graphics and model (A2, PLO5)



SEMESTER 4

COURSE	SYNOPSIS	HASIL PEMBELAJARAN / *COURSE LEARNING OUTCOME* (CLO)
DAT 4133 CONSTRUCTION TECHNOLOGY 3	This course provides theory and practice of building technology. Students will learn the construction of steel frame and longer span steel structure. Students will also learn timber construction such as the main structures, doors, windows, stairs and finishes.he construction of cladding and glass.	1. Describe the process of steel frame construction (C2,PLO1) 2. Produce the detailed drawings of long span steel structure system (P3,PLO2) 3. Produce the detailed drawings of cladding system (P3,PLO2)
DAT 4143 BUILDING SERVICES 2	This course provides theory and practice of building services. Student will learn ventilation and air conditioning system, building transportation system and fire safety system.	1. Identify electrical system, ventilation and air conditioning system, and fire safety system. (C4, PLO1) 2. Produce a diagram of electrical, air conditioning system and fire fighting system of a single storey building. (P3, PLO2) 3. Produce a BIM model of electrical, air conditioning system and fire fighting system of a single storey building (P3, PLO2)

SEMESTER 4

COURSE	SYNOPSIS	HASIL PEMBELAJARAN / *COURSE LEARNING OUTCOME* (CLO)
MPU 2222 KEUSAHAWANAN	Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada pengetahuan dan kemahiran secara teori dan amali mengenai konsep Keusahawanan. Pelajar akan mempelajari kemahiran Keusahawanan antaranya ialah pembangunan diri .penjanaan idea, amali perniagaan, tatacara penubuhan perniagaan dan menghasilkan kertas kerja Rancangan Perniagaan	1. Menjelaskan konsep asas dan kemahiran keusahawanan serta kepentingannya kepada diri, masyarakat, agama dan negara (CLO1, PLO1) 2. Mengenalpasti proses penjanaan idea perniagaan (CLO2, PLO3) 3. Menghasilkan Kertas Kerja Rancangan Perniagaan (CLO3, PLO8)



SEMESTER 5

COURSE	SYNOPSIS	HASIL PEMBELAJARAN / *COURSE LEARNING OUTCOME* (CLO)
DAT 51510 ARCHITECTURAL BIM 5	This course provides theory and practice of designing a building. The course covers the first two phases of a project which are schematic design phase and design development phase.	1. Explain the background of the project (C4, PLO 1) 2. Produce the BIM model of an actual project at LOD 300 (P3, PLO 2) 3. Present the report and the BIM model of the project (A2, PLO 5)
DAT 5163 CONSTRUCTION TECHNOLOGY 4	This course provides theory and practice of building technology. Students will learn the process of constructing an actual building.	1. Describe the parties involved in an actual construction (C4,PLO1) 2. Explain the type of drawings and documents of an actual construction (C3, PLO1) 3. Produce shop drawings of an actual building (P3, PLO2)

SEMESTER 6

COURSE	SYNOPSIS	HASIL PEMBELAJARAN / *COURSE LEARNING OUTCOME* (CLO)
DAT 61710 ARCHITECTURAL BIM 6	This course provides theory and practice of preparing documents for contract. The course covers the last two phases of a project which are contract documentation phase and contract implementation and management phase.	1. Explain scheduling of the project (C4, PLO 1) 2. Produce the BIM model of an actual project at LOD 400 (P3, PLO 2) 3. Present the virtual construction (VC) and BIM model at LOD 400 of the project (A2, PLO 5)
DAT 5163 BUILDING SERVICES 3	This course provides theory and practice of building services. Student will learn water supply and sanitary system of a multi-storey building.	1. Explain water supply, sanitary, ventilation and transportation system of an actual multistorey building (C4, PLO1) 2. Produce BIM model of water supply, sanitary, ventilation and transportation system of an actual multi-storey building (P3, PLO2) 3. Prepare a printed drawing of water supply, sanitary, ventilation and transportation system of an actual multi-storey building (P3, PLO2)

WORK BASED LEARNING (WBL)

The implementation of the WBL-based Diploma program is a new dimension in student-centered learning. It is a concept of contextual learning that is oriented towards the actual work process. It is a method of learning through students' daily experiences with the community and work environment involving hands-on and minds-on activities.

This WBL-based Diploma Program will be conducted collaboratively with companies that have been identify to implement this program. This collaboration meets aspects of curriculum implementation and delivery, on-the-job training as well as student assessment.

Through this approach, students can relate curriculum content to real work or life. Apart from that, students will also find it easier to master abstract things through their own experiences such as problem solving skills, social skills, thinking skills and communication skills with peers. Students can also practice the spirit of teamwork and the spirit of belonging.

Through this approach, it is also hope that community college students will be able to increase marketability (employability / employability) and have competitiveness in facing real jobs.

STRUCTURE AND CREDIT

S1	S2	S3	S4	S5	S6

Teaching and Learning in community college 60% Practical 40% Theory

WBL in industry

Community College Diploma Programme Structure

Students will study at campus for 4 semesters from semester 1 to semester 4. In semesters 5 and 6, students will be place in the relevant companies to follow Work-Based Learning.

The credit setting for this diploma program meets the minimum requirements set by the Malaysian Qualification Framework (MQF) for the Diploma level is 90 credits. The minimum number of credits during Work-Based Learning is 18 credits.

Reference: Work-based Learning Guidelines, Diploma in Architectural Technology, Kuching Community College



SIJIL TEKNOLOGI SENIBINA



PENGENALAN PROGRAM

Program Sijil Teknologi Senibina merupakan satu program kemahiran yang menumpukan kepada penghasilan lukisan teknikal dalam bidang senibina berdasarkan kehendak Undang-undang Kecil Bangunan Seragam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pelajar akan diberi pengetahuan dan kemahiran tentang teknik penghasilan lukisan secara manual dan dengan menggunakan perisian komputer seperti *Autocad, Autodesk Revit, Google Sketchup* dan *Adobe Photoshop*. Selain itu, pelajar juga diberi pengetahuan dan kemahiran menghasilkan model bangunan .

SINOPSIS PROGRAM

Kursus ini mendedahkan dan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran :-

1. Menghasilkan lukisan kerja senibina yang menepati kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam dan Pihak Berkuasa Tempatan,
2. Menghasilkan lukisan persembahan senibina,
3. Menghasilkan model bangunan bagi tujuan persembahan, dan
4. Menghasilkan model 3D bangunan (*BIM*).



PROSPEK KERJAYA

Sijil Teknologi Senibina dijangka dapat melahirkan pelajar-pelajar berpengetahuan dan berkemahiran bagi memenuhi kehendak industri dalam kerjaya seperti berikut:

1. Pelukis Pelan Senibina
2. Pelukis Pelan Kejuruteraan
3. Juruteknik Bangunan
4. Pembuat Model Bangunan
5. Penyelia Tapak Pembinaan
6. *BIM Modeller*

PROGRAMME EDUCATIONAL OBJECTIVES – PEO

1. Menghasilkan tenaga kerja dan usahawan yang berpengetahuan dan berkemahiran selari dengan keperluan semasa dan hasrat negara.
2. Menunjukkan kebolehan penyelesaian masalah secara inovatif, kreatif dan kerja berpasukan melalui pendekatan pembelajaran sepanjang hayat.
3. Mempunyai kemahiran berkomunikasi dengan berkesan, mengurus maklumat dengan baik dan bekerjasama dengan kumpulan berasaskan kerja serta tanggungjawab sosial.

PROGRAMME LEARNING OUTCOMES – PLO

Di akhir pembelajaran, pelajar akan boleh:

1. Mengaplikasi pengetahuan asas berdasarkan fakta, konsep, prinsip dan teori dalam bidang yang berkaitan.
2. Menunjukkan kemahiran psikomotor dan amali dalam menyelesaikan masalah.
3. Menunjukkan kemahiran interpersonal dan kebertanggungjawaban sosial dalam mengaplikasi prinsip dan teori mengikut kesesuaian keadaan.
4. Menunjukkan sifat beretika dan profesionalisme dalam amalan yang mempunyai prinsip etika dari aspek perundangan yang perlu dipatuhi.
5. Menunjukkan kebolehan berkomunikasi dan kemahiran kepimpinan secara berkesan dengan rakan sekerja, pelanggan, majikan dan masyarakat umum.
6. Menunjukkan kemahiran pemikiran analitikal dan kritikal dan menggunakan teknik yang sesuai dalam menyelesaikan masalah.
7. Menyedari kepentingan pembelajaran sepanjang hayat dan kemahiran pengurusan maklumat untuk pembangunan akademik dan kerjaya.
8. Menunjukkan kemahiran pengurusan dan ciri – ciri keusahawanan dalam perspektif yang meluas di dalam alam perniagaan sebenar.



MATRIKS HUBUNGAN PEO DAN PLO

PLO / PEO	PLO 1	PLO 2	PLO 3	PLO 4	PLO 5	PLO 6	PLO 7	PLO 8
1. Menghasilkan tenaga kerja dan usahawan yang berpengetahuan dan berkemahiran selari dengan keperluan semasa dan hasrat Negara.	/	/						/
2. Menunjukkan kebolehan penyelesaian masalah secara inovatif, kreatif, dan kerja berpasukan melalui pendekatan pembelajaran sepanjang hayat.		/			/	/	/	
3. Mempunyai kemahiran berkomunikasi dengan berkesan, mengurus maklumat dengan baik dan bekerjasama dengan kumpulan berasaskan kerja serta tanggungjawab sosial.			/	/	/		/	

STRUKTUR PROGRAM SIJIL TEKNOLOGI SENIBINA

SEMESTER 1

KOD		KURSUS	KREDIT
STS	1015	LUKISAN KERJA 1	5
STS	1025	GRAFIK SENIBINA 1	5
STS	1032	TEKNOLOGI PEMBINAAN 1	2
SKW	1102	APLIKASI KOMPUTER	2
MPU	1411	KOKURIKULUM (KELAB)	1
MPU	1152	PENGAJIAN MALAYSIA 1	2
		JUMLAH SEMESTER 1	**17**

SEMESTER 2

KOD		KURSUS	KREDIT
STS	2046	LUKISAN KERJA 2	6
STS	2054	GRAFIK SENIBINA 2	4
STS	2062	TEKNOLOGI PEMBINAAN 2	2
